



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

100-4/10 Jld.9 (05)

Tarikh :

02 Februari 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Bendahari Cawangan

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2026 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026**.

2. LATAR BELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil. 1/2026 bertarikh 08 Januari 2026. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

3.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 akan dibayar sebanyak dua(2) fasa iaitu pada bulan Februari sebelum Hari Raya Aidilfitri dan sebelum Sambutan Kaamatan Tahun 2026. Pembayaran akan dilaksanakan secara **AUTOMATIK** kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri yang berstatus aktif dalam Sistem Gaji Pusat tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2026 bertarikh 08 Januari 2026.



PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2026
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui Sistem Gaji Pusat (SGP). Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang berstatus **tidak aktif** dalam Sistem Gaji Pusat pada bulan Februari 2026 tetapi layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Jabatan hendaklah menyediakan input melalui Sistem e-Pay A3 dan menghantar input tersebut mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan Tahun 2026.

3. KOD BAYARAN / POTONGAN

- 4.1 Kod bayaran / potongan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	403	BKK 2026	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2026
15106	698	TBKK 2026	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2026
15106	769	BLKBKK	KUTIPAN BALIK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2026
29306	404	BKK2026VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2026 VOT TERBUKA
29306	567	TBKK2026VT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA
29306	768	BLKBKKVT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada semua Kementerian/Jabatan di bawah Sistem Gaji Pusat termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam Sistem Gaji Pusat.

“SABAH MAJU JAYA”

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2026
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada setiap anggota masing-masing teratur dan mematuhi peraturan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil.1/2026 bertarikh 08 Januari 2026. Perhatian hendaklah diberikan kepada **pegawai yang tidak layak dan ditanggguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026**. Selanjutnya pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhiPekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil.1/2026 bertarikh 08 Januari 2026
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 yang telah dibayar jika berlaku kesilapan bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat segera melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji mengikut jadual penghantaran input.
- 5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon pindah peruntukan atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN

- 6.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada Pekerja Sambilan Harian akan dibayar bersama bayaran upah untuk Bulan Februari 2026.
- 6.2 Jabatan hendaklah mengemaskini maklumat kehadiran melalui Sistem Pekerja Sambilan Harian dan mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri atau Jabatan Mengakaun Sendiri (bagi Jabatan dibawah seliaan Jabatan Mengakaun Sendiri sahaja).

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2026
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

- 6.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan Pekerja Sambilan Harian memenuhi syarat seperti dalam Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 6.4 Salinan surat pelantikan berserta salinan surat penerimaan jawatan hendaklah dikepilkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan Pekerja Sambilan Harian berkenaan diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026.
- 6.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada Pekerja Sambilan Harian yang disebabkan oleh kelewatan mengemukakan baucar bayaran am ke pusat bayaran yang ditetapkan atau mendapat teguran.

7. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088-368516 atau e-mel AkiffZaqwan.Arif@sabah.gov.my.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah



(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(Aust.), CPFA, ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

DSS/MAS/aza

“SABAH MAJU JAYA”

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2026
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU

u.p : Puan Rafidah Ali Hassan
Puan Karen Sigawal

Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Pusat Kawalan Sistem Perakaunan

u.p : Puan Josie Mijol
Encik Yazid Yuzairie Yunos
Encik Faizal Heesyam Bin Mohd Kassim